

UNTUK SIARAN SEGERA

AIRASIA X lancer peraduan *Terbang Lebih Kerap & Dapatkan Ganjaran!*

Terbang lebih kerap untuk memenangi Hadiah Utama penerbangan dua hala selama setahun



Sepang, 19 Jun 2017 – AirAsia X mengumumkan pelancaran peraduan Peraduan Terbang Lebih Kerap & Dapatkan Ganjaran ini dilancarkan untuk memberi ganjaran kepada tetamu yang paling banyak berbelanja dalam penerbangan dan pembelian produk tambahan.

Mulai hari ini sehingga 16 Julai 2017, tetamu AirAsia X yang membeli tiket penerbangan dan produk tambahan menggunakan nombor keahlian ID AirAsia BIG secara automatik layak menyertai peraduan ini bagi perjalanan dari 20 Jun - 30 November 2017.

Pembelanja tertinggi akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama bernilai penerbangan dua hala selama satu tahun dan baucar penginapan AirAsia Go (AAGO) bernilai RM10,000 untuk pemenang dan seorang teman perjalanan. Pemenang tempat kedua pula berpeluang memenangi sepasang tiket penerbangan ke Hawaii manakala pemenang tempat ketiga berpeluang memenangi sepasang tiket penerbangan ke Perth.

Ketua Pegawai Komersial Kumpulan AirAsia, Siegtraund Teh berkata "Peraduan ini adalah cara kami mengucapkan terima kasih kepada tetamu yang kami hargai. Mereka yang berbelanja ke atas pembelian tertinggi untuk penerbangan dan produk tambahan seperti bagasi berdaftar, menempah makanan dalam penerbangan, *Membuat Pilihan Tempat Duduk* dan menempah insurans perjalanan untuk semasa tempoh peraduan akan berpeluang mendapat hadiah-hadiah menarik untuk pembelanja tertinggi yang bertuah di samping menikmati pengalaman penerbangan khusus bersama perkhidmatan dalam penerbangan yang telah merangkul anugerah bertaraf dunia.

Hadiah adalah terhad untuk perlepasan ke dan dari destinasi AirAsia X di lapangan terbang berikut: **Malaysia:** (Kuala Lumpur (KUL)); **Jepun:** (Tokyo (HND), Osaka (KIX), Sapporo (CTS)); **Korea Selatan:** (Seoul (ICN), Busan (PUS)); **China** (Xian (XIY), Beijing (PEK), Hangzhou (HGH), Chengdu (CTU) Shanghai (PVG), Chongqing (CKG)), Wuhan (WUH); **Taiwan:** (Taipei (TPE)); **Australia:** (Sydney (SYD), Melbourne (MEL), Perth (PER), Gold Coast (OOL)); **New Zealand:** (Auckland (AKL)); **India:** (New Delhi (DEL)); **Iran** (Tehran (IKA)); dan **Amerika** (Honolulu, Hawaii (HNL)).

Peraduan ini hanya tersedia untuk tempahan termasuk sekurang-kurangnya satu sektor atau perjalanan dalam penerbangan yang dikendalikan oleh AirAsia X (pembawa kod D7). Tempahan boleh dibuat dari mana-mana rangkaian AirAsia X (pembawa kod AK, FD, QZ, Z2, XJ, XT) untuk tempahan penerbangan langsung dan Fly-thru.

Untuk maklumat peraduan serta terma dan syarat, sila klik <http://highflyer.airasia.com/>

**Pembelian dalam penerbangan (tambang asas sahaja) dan produk tambahan hanya akan dikumpulkan oleh tetamu individu dan bukan daripada jumlah tempahan. Tetamu perlu menyatakan nombor keahlian AirAsia BIG mereka semasa tempahan untuk layak menyertai peraduan ini.*

Mengenai Kumpulan AirAsia X

AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh bagi Kumpulan AirAsia yang kini terbang ke 24 destinasi di seluruh Asia, Australia, New Zealand, Timur Tengah dan Amerika. AirAsia X beroperasi dengan 30 pesawat A330-300s, setiap satu dengan 12 Premium Flatbeds dan 365 tempat duduk ekonomi. Syarikat penerbangan ini telah membawa lebih 19 juta tetamu sejak penubuhan perkhidmatan penerbangan jarak jauh yang telah dimulakan pada tahun 2007. AirAsia X telah diiktirafkan dengan anugerah "Kabin Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax bagi empat tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2016.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Izatun Hanim Shari
Group Communications
AirAsia X

RedQ, Jalan Pekeliling 5,
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (klia2)
64000 KLIA,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

General line: +03-87754780
Mobile : +01111118028